



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**21 MAC 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 416 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 364,325 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu satu (1) kes di Penampang dan satu (1) lagi kes di Kudat. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 911 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 338,679 orang. Manakala 535 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 434 orang di hospital, 100 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam serta satu (1) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 46 orang merangkumi 41 di ICU/repurposed kritikal *care* serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Merah 25 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kes harian di Sabah kembali meningkat dengan 416 kes baharu hari ini, pertambahan sebanyak 77 kes berbanding semalam.
- b. Pertambahan kes baharu berpunca daripada jumlah jangkitan baharu yang lebih tinggi di daerah-daerah seperti Kota Kinabalu, Penampang dan Papar. Kota Kinabalu kembali mencatatkan kes tiga (3) angka dengan 137 kes baharu (+72), Penampang 43 kes (+23) dan Papar 49 kes (+22). Kes harian di Tuaran susut sedikit kepada 32 kes (-5). Sebanyak tujuh (7) daerah mencatatkan kes dua (2) angka, 17 daerah mencatatkan kes satu (1) angka sementara Semporna dan Nabawan tidak mencatatkan sebarang kes baharu.
- c. Dua (2) kluster diisytiharkan tamat hari ini, iaitu Kluster Jubi Tambulion di Kota Belud dan Kluster Kampung Lampada di Kota Marudu. Jumlah kluster yang masih aktif di Sabah ialah 12 kluster.
- d. Sebanyak 408 atau 98.08% daripada 416 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, empat (4) kes dalam Kategori 3, satu (1) kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.0%
2	Kontak	100	24.04%
3	Bergejala	261	62.74%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	55	13.22%
<b>JUMLAH</b>		<b>416</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (20 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 20/03/2022	Catatan Kes 21/03/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	65	137	+72
2	Penampang	20	43	+23
3	Papar	27	49	+22
4	Beluran	1	9	+8
5	Pitas	1	9	+8
6	Beaufort	12	19	+7
7	Kunak	0	5	+5
8	Kudat	5	9	+4
3	Kuala Penyu	9	12	+3
10	Telupid	3	4	+1
11	Putatan	8	9	+1
12	Kota Marudu	15	15	Mendatar
13	Kinabatangan	3	3	Mendatar
14	Kalabakan	2	2	Mendatar
15	Nabawan	0	0	Mndatar
16	Tongod	1	1	Mendatar
17	Semporna	0	0	Mendatar
18	Tawau	20	4	-16
19	Ranau	16	4	-12
20	Keningau	20	9	-11
21	Tenom	12	5	-7
22	Lahad Datu	12	6	-6
23	Kota Belud	11	5	-6
24	Sipitang	11	6	-5
25	Tuaran	37	32	-5
26	Sandakan	15	10	-5
27	Tambunan	13	9	-4
<b>JUMLAH</b>		<b>339</b>	<b>416</b>	<b>+77</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	25	98	0	14	137	2811
Papar	0	16	32	0	1	49	954
Penampang	0	1	42	0	0	43	1029
Tuaran	0	11	12	0	9	32	895
Beaufort	0	6	9	0	4	19	545
Kota Marudu	0	9	5	0	1	15	287
Kuala Penyu	0	5	4	0	3	12	263
Sandakan	0	1	5	0	4	10	414
Keningau	0	3	5	0	1	9	441
Putatan	0	2	7	0	0	9	346
Pitas	0	1	3	0	5	9	130
Beluran	0	5	4	0	0	9	129
Tambunan	0	3	4	0	2	9	269
Kudat	0	4	5	0	0	9	174
Lahad Datu	0	0	5	0	1	6	197
Sipitang	0	1	5	0	0	6	289
Kota Belud	0	0	2	0	3	5	307
Tenom	0	1	4	0	0	5	303
Kunak	0	0	5	0	0	5	39
Tawau	0	0	1	0	3	4	399
Ranau	0	2	0	0	2	4	218
Telupid	0	3	1	0	0	4	99
Kinabatangan	0	1	0	0	2	3	108
Kalabakan	0	0	2	0	0	2	41
Tongod	0	0	1	0	0	1	48
Nabawan	0	0	0	0	0	0	62
Semporna	0	0	0	0	0	0	13
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>100</b>	<b>261</b>	<b>0</b>	<b>55</b>	<b>416</b>	<b>10810</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,410 unit.

- Hospital 1,447 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,723 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 15.69%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 21 MAC 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	410
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	5
<b>Jumlah</b>	<b>416</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	401
Bukan Malaysia	15
<b>Jumlah</b>	<b>416</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	27
Belum Menerima Vaksin (5-11)	9
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	19
Menerima 1 Dos	11
Lengkap 2 Dos	150
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	200
<b>Jumlah</b>	<b>416</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1-4	23
5 -11	19
12-17	19
18-29	100
30-39	113
40-49	59
50-59	41
60-69	23
70-79	11
80-89	4
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>416</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 20 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,113 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,832 orang adalah penduduk dewasa, 66 orang adalah penduduk remaja dan 1,215 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 20 Mac 2022 adalah seramai 2,553,569 orang. Ini meliputi 2,131,632 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.47% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,405,649 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,089,317 orang atau 76.91% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,275 orang atau 77.96% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,332 atau 74.22% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 89,662 atau 21.79% orang telah menerima 1 dos vaksin.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **684,629** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 208 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Kastam 1967.



- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 798 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 551 premis perniagaan dan 885 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 45 Premis Perniagaan melibatkan 20 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 125 anggota.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 38 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 98 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Semporna	98.8%
2	Beluran	98.8%
3	Kunak	98.7%
4	Keningau	98.7%
5	Kinabatangan	98.7%
6	Ranau	98.6%
7	Tenom	98.6%
8	Kota Marudu	98.6%
9	Kudat	98.6%
10	Sipitang	98.6%
11	Beaufort	98.5%
12	Kota Belud	98.4%
13	Tuaran	98.4%
14	Papar	98.3%
15	Sandakan	98.3%
16	Kota Kinabalu	98.2%
17	Tawau	98.2%
18	Penampang	98.2%
19	Lahad Datu	98.1%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**